



مجالس سambutan هاري كي ٣٤

Majlis Sambutan Hari Guru Ke-34

29 Rabiulawal 1446H · 3 Oktober 2024M



Guru Berkualiti اقلاچو هر سیفور عاسی قنلیدیقون

Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan

Buku Program

هاری گرو

23 SEPTEMBER

HG34

SAMBUTAN
Hari Guru Ke-34



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien
ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II



**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri**

KANDUNGAN PROGRAM MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU KE-34 TAHUN 2024

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Kata Alu-Aluan Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama	1
Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-33 pada 23 September 2023	6
Petikan Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II	9
Huraian Tema Hari Guru Ke-34 Tahun 2024	12
Penerima-Penerima Anugerah Hari Guru Ke-33 Tahun 2023	16
Ristaan Majlis Sambutan Hari Guru Ke-33 Tahun 2023	24
Khutbah Khas Sembahyang Fardhu Jumaat Sempena Sambutan Hari Guru Ke-33 Tahun 2023	30
Inisiatif-Inisiatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran	34
Rancangan Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Sambutan Hari Guru Ke-34 Tahun 2024	62
Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis Sambutan Hari Guru Ke-34 Tahun 2024	66
Tajaan dan Penghargaan	96

ATURCARA MAJLIS KEMUNCAK SAMBUTAN HARI GURU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-34 TAHUN 2024

- 8.30 Pagi : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara dan para jemputan-jemputan khas
- 9.00 Pagi : Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat-Kerabat Diraja
- : Lagu Kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan"
- : Bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat
- : Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an dan Intisari Ayat
- : Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh
- : Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
- : Tayangan Klip Video
- : Persembahan Hari Guru
- : Pengumuman Penerima-Penerima Anugerah Hari Guru
- : Pengurniaan Anugerah Hari Guru
- : Selawat Tafrijiyah
- : Lagu Kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan"

- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat-Kerabat Diraja dijunjung berangkat ke Bilik Santap untuk santapan ringan
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat-Kerabat Diraja dijunjung untuk sesi bergambar ramai bersama penerima-penerima Anugerah Hari Guru dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat-Kerabat Diraja dijunjung berangkat bagi menyaksikan pameran dan Majlis Junjung Ziarah
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat-Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis

ହରିଗୁରୁଵିହାର

23 SEPTEMBER

HG34
SAMBUTAN
Hari Guru Ke-34

KATA ALU-ALUAN YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN DAN YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL UGAMA



Yang Berhormat
Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah
binti Haji Md Salleh
Menteri Pendidikan
Selaku Pengerusi Bersama
Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024



Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama
Selaku Pengerusi Bersama
Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين وبه نستعين
على أمور الدنيا والدين
والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
سيدينا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya juga pada tahun ini, sekali lagi kita berkesempatan meraikan Sambutan Hari Guru bagi menghargai dan mengenang jasa bakti guru-guru di negara ini dengan tema “Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan”.

Tema ini dikekalkan untuk tahun ketiga selaras dengan usaha berterusan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menjadikan sistem pendidikan sentiasa dinamik dan relevan dalam menghadapi dunia yang sentiasa berubah. Kedua-dua Kementerian ini terus berganding bahu ke arah menjana guru-guru yang mampu menghasilkan modal insan sebagai bakal peneraju negara yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi sebanding dengan piawaian antarabangsa. Kerjasama bertambah rapat dengan pengintegrasian mata pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum mulai bulan November 2023.

Kementerian Pendidikan melalui Pelan Strategik bagi tahun 2023 hingga 2027 dengan Visi Pendidikan Berkualiti, Negara Progresif telah memfokuskan usaha ke arah menyiapkan pelajar agar siap siaga untuk keperluan masa kini mahupun masa hadapan. Ini dicapai melalui peningkatan ekosistem pendidikan yang inovatif dan transformatif dengan menekankan pembangunan kemahiran abad ke-21, iaitu “Enam C” yang merangkumi komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, kreativiti, perwatakan dan kenegaraan. Salah satu pendekatan yang sangat efektif adalah berasaskan inkuiри yang menekankan soal jawab di dalam pembelajaran. Sehubungan ini, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk menekankan kaedah ini dalam kalangan guru-guru untuk pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Untuk meningkatkan keberkesanannya pendidikan di institusi-institusi pendidikan ugama di negara ini pula, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga memberi keutamaan kepada kualiti guru dan kecemerlangan pelajar melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang bersesuaian. Usaha ini diharapkan akan terus mendukung Fokus Strategik, Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2020-2024; ‘Pendidikan Ugama/Arab Berkesan’ dan Matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kualiti guru pada masa ini juga dilihat melalui peranan guru dalam pemerkasaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Ke arah itu, penaiktarafan prasarana rangkaian teknologi informasi (IT) di sekolah-sekolah kerajaan di Negara Brunei Darussalam sedang giat dilaksanakan melalui inisiatif *Government School Network Infrastructure Upgrade* (Fasa II).

Setakat ini, dari jumlah keseluruhan 153 buah sekolah di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, sebanyak 26 buah sekolah menengah/maktab dan 79 buah sekolah rendah telah dinaik taraf. Inisiatif penaiktarafan yang dilaksanakan secara berterusan ini merangkumi penyediaan perkhidmatan internet jalur lebar berkapasiti tinggi dan penyediaan akses *Wi-Fi* yang lebih menyeluruh di kawasan sekolah-sekolah.

Kementerian Pendidikan juga telah melancarkan Bengkel *Artificial Intelligence (AI) Guidance For Schools Toolkit* yang juga turut melibatkan guru-guru di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Pada dasarnya, sekolah-sekolah di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama masing-masing telah menerapkan pengintegrasian literasi digital atau *digacy* ke dalam kurikulum. Platform penggunaan aplikasi pembelajaran digital, e-pembelajaran dan alat kolaborasi dalam talian mampu menghasilkan pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik.

Semua usaha ini merupakan *milestones* penting bagi mendukung inisiatif-inisiatif dalam Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama selaras dengan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, Brunei Darussalam.

Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan melalui Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA) juga giat melaksanakan program pembangunan profesional berasaskan kompetensi. Beberapa modul latihan telah dikenal pasti yang dihasratkan dapat

melengkapkan para pendidik dengan pengetahuan, kemahiran dan ciri kepimpinan berkesan yang diperlukan untuk mengemudi landskap pendidikan, termasuk Bengkel *Building A Future Ready Mindset*, Program *The Future of Learning* dan Program *Empowering Mastery Learning using AI-integrated Instructions*.

Selain itu, Program *At-Tatweer* yang telah diperkenalkan di Jabatan Pengajian Islam juga terus memainkan peranan penting bagi meningkatkan kemahiran dan profesionalisme para pendidik dalam pelbagai kompetensi antaranya *Mini Course Blended Learning (BlendGuru)*, Kemahiran Penggunaan *Microsoft Sway* dan Program *Tahsin Qiraatil Qur'an*.

Kementerian Hal Ehwal Ugama turut menjalin kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kesultanan Oman. Melalui platform ini, guru-guru sekolah-sekolah Arab didedahkan dengan pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan melalui Program *Ta'zeez Al-Lughah Al-'Arabiyah* melalui perkongsian tenaga-tenaga pakar dan amalan-amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran. Bimbingan tenaga pakar dari Kesultanan Oman khususnya telah berjaya melestarikan dan memperkuuh penggunaan bahasa Arab, terutama dalam konteks pendidikan agama dan pembangunan intelektual masyarakat Islam di negara ini.

Bagi para pemimpin sekolah di bawah Kementerian Pendidikan, beberapa modul baharu dalam Kepimpinan Digital dan Inovasi ialah seperti *Think Like a Futurist*, *Digital Leadership*, *Leading with MS Team*, *Data Visualization*, *Data Forecasting* dan *Data Insights for School Success*. Manakala di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, pemimpin-pemimpin persekolahan Arab dan ugama juga dilibatkan dalam program-program kepimpinan melalui Program Al-Qiadah yang mengandungi pelbagai modul berdasarkan kepimpinan seperti *Mursyid Mu'allim* di samping membudayakan pengurusan kepimpinan secara digital seperti Sistem Pemantauan Kehadiran Pelajar (SPKP).

Di samping itu, ke arah meningkatkan kemahiran berbahasa Arab serta memperkasa penggunaan kaedah dialog yang berkesan dalam pengajaran dan memupuk pembelajaran interaktif, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah melancarkan buku panduan “*Ad-Dalil Al-Irsyadi Fi At-Tadrис Al-Hiwari*”. Buku ini mengandungi kaedah pengajaran untuk diaplikasikan oleh tenaga pengajar di persekolahan Arab dan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Program-program yang ditawarkan ini akan dapat mendukung hasrat Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menyediakan sistem pendidikan yang inklusif dan berkualiti dengan menghasilkan modal insan yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi serta mempunyai kompetensi-kompetensi yang diperlukan.

Dengan kecanggihan teknologi, penggunaan teknologi secara selamat dan beretika di kalangan warga sekolah adalah menjadi satu keutamaan. Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum telah menerbitkan satu rangka kerja buku panduan bertajuk *Digital Citizenship Framework and Handbook for School Community* untuk memupuk kewargaan digital

dalam pendidikan dan kesedaran mengenai penggunaan teknologi secara bertanggungjawab, selamat dan berhemah dalam komuniti sekolah.

Dalam menjalankan tugas, tanggungjawab dan peranan sebagai guru, Al-Qur'an dan Al-Hadith adalah menjadi panduan dan pegangan yang tidak boleh diabaikan. Berbekalkan dua panduan yang utama ini, adalah diharatkan semoga pengajaran yang disampaikan dan pembelajaran para pelajar akan beroleh keberkatan daripada Allah *Subhanahu Wata'ala* yang memberikan manfaat bukan sahaja dalam kehidupan dunia bahkan juga ukhrawi.

Pada kesempatan ini, kedua-dua Kementerian sukacita merakamkan ucapan penghargaan serta junjung kasih dan terima kasih kepada Jawatankuasa Sambutan Hari Guru Ke-34 Tahun 2024 yang telah memberikan sokongan padu dalam merancang dan memastikan acara berjalan dengan lancar dan jayanya. Semoga Allah *Subhanahu Wata'ala* memberikan sebaik-baik ganjaran kepada semua.

Untuk akhirnya, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada guru-guru yang menerima Anugerah Hari Guru Ke-34 pada tahun ini. Sambutan Hari Guru yang diadakan setiap tahun ini adalah satu penghargaan dan pengiktirafan yang tinggi kepada semua guru yang sedang berkhidmat dan juga yang telah bersara kerana jasa guru telah mampu menjana generasi dan belia yang berwawasan untuk Negara Brunei Darussalam. Semoga para pendidik di negara ini akan sentiasa beroleh keberkatan dan redha Allah *Subhanahu Wata'ala*.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَايَا وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

هاری گرو

23 SEPTEMBER

HG34

SAMBUTAN

Hari Guru Ke-34

**TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,
DI MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU
KE-33 TAHUN 2023**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،
والصلوة والسلام على أشرف المرسلين
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين،

وبعد

Bersyukur kita ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala*, kerana dapat hadir bagi meraikan dan memeriahkan **Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-33** pada tahun ini.

Sambutan Hari Guru kali ini bertema: “**Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan**”. Tema ini merujuk kepada peranan para guru selaku pengemudi dan pencetus kemajuan di masa hadapan. Kemajuan yang dimaksudkan lebih tertumpu kepada melahirkan insan-insan yang berilmu dan berkemahiran.

Untuk melahirkan insan-insan yang berkualiti ini, tentu sahaja memerlukan para guru yang berkalibar dan inovasi. Oleh itu Beta penuh berharap, supaya Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat terus menumpukan usaha bagi meningkatkan kualiti para guru melalui sokongan dasar dan program-program pembangunan kapasiti.

Ke arah ini, sudah tiba masanya untuk Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama sama-sama memperkemaskan lagi dasar pendidikan negara. Maka sehubungan itu, Beta suacita memperkenankan bagi pindaan ke atas Akta Pendidikan Wajib Penggal 211, yang berkaitan dengan **umur wajib kanak-kanak bersekolah** di negara ini iaitu dari enam (6) tahun kepada lima (5) tahun, untuk mengukuhkan lagi pendidikan awal kanak-kanak yang merupakan aspek utama dalam membina asas keupayaan kognitif, aspek sosial dan emosi kanak-kanak.

Menyentuh pula mengenai kepentingan kemahiran **Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik yakni STEAM**, yang pernah Beta timbulkan sebelum ini, adalah tidak dapat disangkal lagi, bahawa kemahiran STEAM dapat meningkatkan pemikiran kreatif dan inovatif para pelajar serta sekaligus dapat mempersiapkan mereka untuk menghadapi dunia yang semakin kompleks.

Beta gembira mengetahui bahawa penekanan kemahiran STEAM bukan sahaja dilaksanakan dalam kurikulum biasa, malahan juga diintegrasikan dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum sekolah.

Bagi mengukuhkan lagi kemahiran ini, maka Beta juga telah memperkenankan bagi mata pelajaran **Teknologi, Kejuruteraan dan Seni dalam komponen STEAM** dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran pilihan teras. Ini diharapkan akan dapat mendokong sistem pendidikan yang berkualiti tinggi selaras dengan keperluan mengikut perubahan dan perkembangan semasa.

Dari aspek *inclusivity* dan *equality* pendidikan, Alhamdulillah Beta menyambut baik usaha Kementerian Pendidikan dalam memeduli kesejahteraan dan pendidikan pelajar-pelajar berkeperluan khas. Dalam hal ini, Beta mengambil maklum mengenai penubuhan **Sekolah Khas** pertama di negara ini. Penubuhan ini tidak syak lagi telah berjaya melakar satu lagi pencapaian dan sistem pendidikan negara dan diharapkan ianya menjadi pemangkin kepada masyarakat secara umum untuk sama-sama memeduli kesejahteraan pelajar-pelajar berkeperluan khas.

Dengan perubahan dasar-dasar dan ekspektasi yang semakin besar terhadap tenaga pengajar, maka Beta berpendapat sudah tiba masanya pihak-pihak berkenaan meneliti dan memperkemaskan **Skim Perkhidmatan Perguruan (SPG)**. Selain menambahbaik skop dan aliran kerja dalam pemilihan dan pengambilan guru, perlu juga pihak Kementerian mengkaji dan mengiktiraf tugas-tugas tambahan yang dipikul oleh para guru sebagai sebahagian komponen penting dalam proses penilaian. Selain dari memastikan kesejahteraan para guru, proses penelitian juga perlu mengekalkan kualiti guru-guru berkenaan.

Kita sama-sama berharap, bahawa apa jua perancangan berkaitan pendidikan, akan membawa lebih dekat kepada sasaran matlamat Wawasan Brunei 2035. Dalam hal ini, Beta turut melihat peranan penting institusi pendidikan teknikal dan vokasional dan institusi pengajian tinggi dalam pembangunan tenaga manusia atau modal insan dengan memupuk dan mengembangkan kemahiran, kecenderungan, sikap, moral, nilai dan kreatif, ke arah melahirkan rakyat yang berdikari dan berguna.

Akhirnya, Beta dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini. Semoga segala usaha para guru dalam mendidik anak bangsa akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima Anugerah Hari Guru pada tahun ini. Semoga penganugerahan ini akan menjadi pencetus semangat kepada seluruh warga guru.

Sekian.

و بالله التوفيق والهدایة

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PETIKAN SYAIR
AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR ‘ALI SAIFUDDIEN
SA’ADUL KHAIRI WADDIEN
IBNI AL-MARHUM
SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM II**

PETIKAN SYAIR LAILA HASRAT MUDA OMAR ‘ALI SAIFUDDIEN

HASIL KARYA:
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR ‘ALI SAIFUDDIEN
SA’ADUL KHAIRI WADDIEN

Hendaklah Belajar Muda Perwira,
Kalau Sungguh Cintakan Negara,
Amalkan Berbaik-Baik Seberapa Mesra,
Untuk Menenteramkan Laila Sugara.

Pelajaran Yang Baik Mendatangkan Aman,
Elok Dituntut Buatkan Pedoman,
Supaya Akal Laila Siuman,
Tahan Mengalami Pahit Dan Nyaman.

Seorang Murid Puas Belajar,
Kemudian Hari Dapat Mengajar,
Bukan Sekolah Saja Diunjur,
Pengalaman Bekerja Itu Dikejar.

Sehari-Hari Biasa Bekerja,
Jangan Hanya Duduk Bersaja-Saja,
Menambah Dan Memperbaiki Itu Dipuja,
Untuk Sendiri Jangan Dimanja.

Khas dipetik dari
Rampaian Laila Syair Omar ‘Ali Saifuddien
Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
Cetakan Pertama Edisi 1994, Muka Surat 37

هاری گرو

23 SEPTEMBER

HG34

SAMBUTAN

Hari Guru Ke-34

**HURAIAN TEMA SEMPENA
SAMBUTAN HARI GURU
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE-34 TAHUN 2024**

GURU BERKUALITI PEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN

PENDIDIKAN UNTUK DUNIA YANG TERUS BERUBAH

Dalam landskap pendidikan yang sentiasa berubah, guru adalah pemacu perubahan yang sentiasa memberi inspirasi kepada pelajar untuk mencapai potensi penuh mereka. Seiring dengan dunia yang beralih ke arah masyarakat yang saling berhubung melalui teknologi, peranan guru sememangnya melangkaui batas tradisi kebiasaan mereka. Guru bukan sahaja sebagai pendidik tetapi juga mentor yang memupuk rasa ingin tahu, kreativiti dan juga semangat para pelajar untuk pembelajaran sepanjang hayat. Dengan mengadaptasi kaedah pengajaran yang inovatif dan memanfaatkan teknologi, guru akan sentiasa membentuk semula pengalaman pengajaran mereka, dengan menjadikannya lebih menarik dan relevan dengan cabaran Abad Ke-21.

Dalam dunia digital yang pesat berubah, kemahiran-kemahiran Abad Ke-21 adalah diperlukan untuk pelajar, dan guru berperanan penting dalam proses ini. Mereka bukan sahaja menyampaikan kandungan pembelajaran serta penilaian dengan bijaksana, tetapi juga membimbing pelajar bagaimana menilai sumber maklumat yang diterima secara kritikal, dan menggalakkan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab. Selain itu, guru bukan hanya menggunakan kandungan tersebut secara pasif, bahkan juga mempersiapkan pelajar untuk ikut serta dalam penciptaan dan penyebaran pengetahuan secara aktif dengan memberi tumpuan kepada pendekatan merentas disiplin dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik.

Guru merupakan pendukung inklusiviti dan diversiti yang memupuk suasana pengajaran dan pembelajaran di mana setiap pelajar rasa dihargai dan didengar. Sebagaimana guru memainkan peranan penting dalam menjadikan ruang pengajaran dan pembelajaran sebagai cerminan kepelbagaian dunia sebenar, dengan menekankan pentingnya memahami dan menghargai pandangan yang berlainan. Dengan sokongan seperti ini, pelajar dapat menghargai kepelbagaian budaya, meningkatkan empati dan mempersiapkan mereka untuk menjadi warga global yang bertanggungjawab. Para guru hendaklah menggalakkan pelajar untuk merangkul kepelbagaian itu bukan sebagai cabaran tetapi sebagai peluang untuk belajar sambil memperluaskan dan memperkaya pengalaman mereka.

Sebagai arkitek masa depan, guru memainkan peranan yang lebih besar daripada sekadar mengajar pengetahuan akademik. Mereka juga bertanggungjawab memupuk kecerdasan emosi, ketahanan dan kemampuan beradaptasi dalam diri pelajar. Di samping itu, guru memainkan peranan penting dalam membina aspek kerohanian pelajar, di mana nilai-nilai kerohanian yang kuat akan mempengaruhi pemikiran dan personaliti mereka melalui penghayatan ajaran Islam yang murni dengan berpegang teguh prinsip negara Melayu Islam Beraja. Pendekatan holistik ini mendorong pembangunan rohani pelajar, membantu mereka memahami peranan mereka di dunia ini secara lebih mendalam dan menyumbang ke arah dunia yang lebih baik di masa hadapan.

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan guru memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan sistem pendidikan yang adaptif, inklusif dan berfikiran maju. Oleh itu, marilah sama-sama kita menghargai dedikasi mereka dan menyokong usaha mereka untuk memberdayakan generasi seterusnya sebagai warga global, yang sentiasa siap siaga memberikan sumbangan positif kepada masyarakat yang sentiasa berubah demi mencapai Wawasan Negara Brunei 2035.

هاری گرو

23 SEPTEMBER

HG34

SAMBUTAN

Hari Guru Ke-34

**PENERIMA-PENERIMA
ANUGERAH HARI GURU
KE-33 TAHUN 2023**

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-33 TAHUN 2023

ANUGERAH GURU BERJASA



Yang Mulia
Dr. Dayang Lim Siew Bee



Yang Mulia
Awang Haji Hambali bin Awang Tengah

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-33 TAHUN 2023

ANUGERAH GURU CEMERLANG



Yang Mulia
Dr. Awang Abby Tan Chee Hong



Yang Mulia
Dayang Shahrifah binti
Haji Mohd Shahlan



Yang Mulia
Dayang Lim Ai Giok



Yang Mulia
Awang Md Zool Fadli bin
Haji Mahbub



Yang Mulia
Dayang Martiniwati binti
Haji Ahmad



Yang Mulia
Pengiran Norhasinawati binti
Pengiran Haji Idris



Yang Mulia
Dayang Ann Michelle Rahman
binti Suhaili



Yang Mulia
Awang Liew Yong Kim

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-33 TAHUN 2023

ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU (*SPECIAL MENTION*)



Yang Mulia
Dr. Awang Lim Tiong Hoo



Yang Mulia
Awang Muhsin Shahnofazli
bin Haji Sabli



Yang Mulia
Dayang Fatimah
binti Md Jaafar



Yang Mulia
Pengiran Rosnani binti
Pengiran Haji Abd Hamid/Damit



Yang Mulia
Dayang Hajah Masrizawati
binti Haji Jahri



Yang Mulia
Dayang Hajah Harita
binti Haji Hassan



Yang Mulia
Dayang Nur Zahrina
binti Abdullah Langkan

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-33 TAHUN 2023

ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU (*SPECIAL MENTION*)



Yang Mulia
Dayang Sitty Wartynah binti
Haji Mohamed Sambas



Yang Mulia
Dayang Rabizah binti
Awang Haji Ibrahim



Yang Mulia
Dayang Hajah Salina
binti Haji Suboh



Yang Mulia
Dayang Khairul Nita
binti Mohammad



Yang Mulia
Dayang Hajah Kartika
binti Haji Othman



Yang Mulia
Awang Mohammad Niah
bin Hashim



Yang Mulia
Dayang Han Siew Lin

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-33 TAHUN 2023

ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU (*SPECIAL MENTION*)



Yang Mulia
Dayang Nurul Aima
binti Zaini



Yang Mulia
Dayang Siti Abidah binti
Haji Mohammad Din



Yang Mulia
Pengiran Hajah Masniah @ Pengiran
Nur Amalina binti Pengiran Hussin



Yang Mulia
Dayang Nooraini binti
Haji A. Ahmad



Yang Mulia
Awang Mohammad Ariffin
bin Haji Saili



Yang Mulia
Dayang Rusnani
binti Haji Anggas



Yang Mulia
Awang Haji Mohammad
Jaafar bin Haji Johari

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-33 TAHUN 2023

ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU (*SPECIAL MENTION*)



Yang Mulia
Awang Wong Ing Huong



Yang Mulia
Dayang Shanju
Najumunniza Ammal



Yang Mulia
Dayang Migawati binti Rais



Yang Mulia
Dayang Ngu Giong Giong



Yang Mulia
Dayang Shahrizawati
binti Haji Shahbuddin



Yang Mulia
Dayang Nazurah
binti Abdullah



Yang Mulia
Dayang Khuzaimah
binti Haji Abd Ghafar



Yang Mulia
Dayang Norhaiyati
binti Haji Serudin

هاری گرو

23 SEPTEMBER

HG34

SAMBUTAN
Hari Guru Ke-34

**RISTAAN
MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU
KE-33 TAHUN 2023**



Sumber gambar (atas, kiri) : Pelita Brunei 25 September 2023.





Sumber gambar (atas, kiri) : Borneo Bulletin, 24 September 2023.







KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,
BERGAMBAR RAMAI DENGAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI
DAN PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-33 TAHUN 2023

هاری گرو

23 SEPTEMBER

HG34

SAMBUTAN
Hari Guru Ke-34

**KHUTBAH KHAS
SEMBAHYANG
FARDHU JUMAAT
SEMPENA SAMBUTAN
HARI GURU KE-33 TAHUN 2023**

GURU BERKUALITI PEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah *Subhanahu Wata'ala* itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah *Subhanahu Wata'ala*, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Ilmu pengetahuan sangat penting dalam kehidupan manusia kerana dengan ilmu pengetahuan akan dapat membantu kita berjaya di dunia dan di akhirat. Sesungguhnya sesiapa yang menginginkan kejayaan dan kebahagiaan dunia dan akhirat hendaklah dengan ilmu pengetahuan. Melihat betapa pentingnya ilmu itu, maka kita umat Islam diperintahkan untuk menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan.

Barang siapa yang berusaha mencari ilmu pengetahuan ganjarannya pula adalah besar iaitu akan diper mudahkan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* untuk masuk ke dalam syurga.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu dia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

Maksudnya : “*Barang siapa menempuh jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan memudahkan jalan ke syurga baginya*”. (*Hadis Riwayat Imam Muslim*)

Dalam mencari ilmu, kita perlu mencari pembimbing atau guru. Tanpa adanya guru, kita tidak akan tahu mana yang benar dan tidak akan mendapat petunjuk yang lurus. Agama Islam juga menuntut umatnya untuk menyebarkan ilmu dan mengajarkannya kepada orang lain kerana amalan sedemikian itu adalah dikira sedekah.

Tugas sebagai seorang guru adalah antara bidang pekerjaan yang mulia. Guru mempunyai darjah dan martabat yang tinggi, di mana gelaran seorang guru, cikgu, ustaz, ustazah dan sebagainya sentiasa kekal dalam

kehidupan guru tersebut sampai bila-bila.

Sesungguhnya memegang status sebagai seorang guru bukanlah satu perkara yang mudah, namun memerlukan kepada kesabaran dan kesungguhan dalam mentarbiah atau mendidik generasi yang terbaik. Oleh yang demikian, Islam memberikan ganjaran dan pahala yang berlipat kali ganda kepada seseorang yang mengajar ke arah kebaikan sebagaimana dalam hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Abu Mas'ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : “*Barang siapa yang menunjukkan kepada kebaikan maka dia akan mendapat pahala seperti mana pahala orang yang mengerjakannya*”. (*Hadis Riwayat Imam Muslim*)

Tanggal 23 September pada setiap tahun adalah tarikh bagi mengiktiraf sumbangan dan jasa guru terhadap agama, bangsa dan negara dan pada tahun ini Hari Guru disambut dengan tema ‘Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan’.

Transformasi pendidikan adalah proses perubahan dalam memajukan perkembangan Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam yang berpaksikan nilai-nilai murni ajaran agama Islam serta tadbir urus yang menerapkan prinsip Maqasid Syariah. Salah satu aspek penting dalam proses ini ialah penekanan terhadap pembangunan profesional guru yang bersandarkan kecekapan dan kemahiran yang diperlukan menerusi kepelbagai program dan latihan pembangunan yang berkaitan dan berancang.

Dalam era yang terus berkembang ini, pendidikan memegang peranan penting dalam membentuk masyarakat yang maju dan berdaya saing. Di sebalik kejayaan pendidikan yang berkualiti, terdapat guru-guru yang menjadi pemacu utama transformasi pendidikan. Guru berkualiti bukanlah sekadar seorang pengajar, tetapi juga pemimpin yang berdedikasi, inspiratif dan inovatif dalam

membentuk generasi penerus yang unggul.

Seorang guru berkualiti adalah seseorang yang mempunyai pemahaman mendalam tentang subjek yang diajar dan berpegang teguh pada etika profesional. Guru berkualiti memastikan pembelajaran yang disampaikan adalah secara tersusun, menyeluruh dan mudah difahami oleh pelajar. Mereka juga menunjukkan komitmen untuk terus meningkatkan kemahiran diri mengikut arus perkembangan pengetahuan dan teknologi.

Para guru adalah contoh teladan bagi pelajar dalam mengamalkan nilai-nilai murni, sikap positif dan kemahiran hidup. Transformasi pendidikan memerlukan guru berkualiti yang tidak hanya terikat dengan rutin di dalam kelas, tetapi juga terlibat aktif dalam program dalam kalangan guru-guru dan dalam berbagai-bagi kegiatan masyarakat untuk memperkuat sistem pendidikan secara menyeluruh.

Selaras dengan matlamat 1 Wawasan Brunei 2035 iaitu rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya, sektor pendidikan terus berperanan penting ke arah merealisasikan hasrat ini, khasnya dalam menerokai pendekatan-pendekatan serta kaedah-kaedah baharu dalam konteks transformasi pendidikan yang mampu memberikan impak positif besar terutamanya ke atas pengajaran dan pembelajaran di setiap institusi pendidikan di negara ini.

Natijahnya, keberkesanannya dalam sistem pendidikan ini nanti akan diterjemahkan sebagai berupaya membekalkan pelajar-pelajar dengan pengetahuandankemahiranyangdiperlukanbukan saja dari sudut kejayaan dalam kehidupan masing-masing malah menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara dalam pelbagai bidang.

Memandangkan peranan guru dalam menyebarkan ilmu pengetahuan adalah sangat besar, mulia dan tinggi martabatnya, maka

sewajarnyalah mereka dihormati. Martabat guru itu sangat tinggi di sisi Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Imam An-Nawawi Rahimullah berkata : "Seorang murid hendaklah melihat gurunya dengan pandangan penghormatan. Hendaklah dia meyakini keahlian gurunya berbanding yang lain. Kerana perkara itu akan menjadikan seorang murid dapat mengambil banyak manfaat daripadanya dan lebih dapat memberi kesan dalam hati terhadap apa yang dia dengar daripada gurunya tersebut".

Oleh yang demikian, wahai jemaah sekalian, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* agar mereka yang telah mendidik kita baik dalam kalangan ibu bapa maupun guru-guru mendapat rahmat dan pertolongan Allah *Subhanahu Wata'ala* sepanjang masa. Manakala bagi guru-guru yang telah kembali ke rahmatullah, didoakan semoga roh mereka dicucuri rahmat oleh Allah *Subhanahu Wata'ala*. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu : "Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain), "maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : "Berdirilah," hendaklah kamu berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjah. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan". (Surah Al-Mujadilah, ayat 11)

هاری گرو

23 SEPTEMBER

HG34

SAMBUTAN
Hari Guru Ke-34

**INISIATIF-INISIATIF
DALAM
PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN**

GURU SEBAGAI PEMACU PERUBAHAN

Guru abad ke-21 bertanggungjawab memacu perubahan dalam pendidikan dengan menguasai kemahiran baru dan memperbaharui kaedah pengajaran. Mereka juga perlu terus mengembangkan profesionalisma melalui latihan, penyelidikan, dan kolaborasi.

Antara program yang dikendalikan oleh Unit Kepimpinan Sekolah, BDLTA:



Sesi perkembangan profesional Bespoke Series: Standard 5.1 (Professional Practice) dan 5.2 (School Vision and Mission).



Program Signature Kepimpinan Sekolah Aras 2, Kohort 2, Modul SP202: Performance Gap Analysis.

Modul Bespoke IL113 Effective Use Student Assessment Data.



Program Bespoke DL304: Data Insights for School Success.

Projek Bespoke ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pemimpin sekolah dan guru-guru dalam memvisualisasikan dan berkongsi wawasan daripada data mereka.



Kursus upskilling dan reskilling disertai oleh para peserta dewasa di bawah kawalan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat.



Kursus 'Google Classroom For Adult Educators: A Practical Approach' dijalankan oleh Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat.



Para peserta program InQBiz diberikan latihan kemahiran dalam pemasaran digital yang telah diungkayahkan oleh Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan kerjasama Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC).



Beberapa buah program dan aktiviti keusahawanan dan inovasi dijalankan oleh Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC) bagi mewujudkan kesedaran yang dapat memberikan impak terhadap corak pemikiran dan sifat keusahawanan di samping menerapkan budaya inovasi di kalangan para guru dan pelajar.



Guru berperanan sebagai mentor bagi pelajar melalui latihan dan bengkel yang berdasarkan pendidikan keusahawanan dan inovasi. Aktiviti program tersebut diungkayahkan oleh EIC bersama dengan pihak berkepentingan iaitu LiveWIRE Brunei: program Celik-Biz dan BigStart dan program bersama Jabatan Pendidikan Khas iaitu Program Bootcamp.





Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah menghadiri Mesyuarat Association of Southeast Asia Teachers Education Network (AsTEN) kali ke-17 pada 27 hingga 28 Mei 2024 bertempat di National Institute of Education, Nanyang Technological University, Singapore. Mesyuarat ini termasuk penelitian secara mendalam sistem akreditasi iaitu AsTEN Teachers Education Quality Assurance Agency (ATQA) untuk menilai kesesuaian program-program pengajian tinggi pendidikan perguruan serantau.



Simposium Matematik Kali Pertama di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Dengan tema “Mathematics Renaissance: Inspiring Minds, Building Future-Ready Learners”, simposium ini bertujuan mempamerkan strategi pengajaran inovatif dan amalan terbaik yang memperkasakan guru matematik sekolah rendah untuk melaksanakan metodologi dinamik dan efektif dalam bilik darjah, memupuk persekitaran pembelajaran yang menarik dan memperkaya untuk pelajar.






Program Sahsiah Pelajar (PSP) mendedahkan pelajar kepada pembelajaran berdasarkan pengalaman (*experiential learning*) untuk perkembangan 6Cs (*Collaboration, Critical Thinking, Character, Communication, Creativity, Citizenship*).



Pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Ali telah berjaya menghasilkan beberapa produk yang berkualiti dan berpotensi untuk dipasarkan di antaranya ialah rehal yang dihiasi dengan lorekan-lorekan menggunakan mesin *laser engraver*, *keychain*, bingkai gambar dan ayat khat.

Kemahiran vokasional dan keusahawanan adalah antara kemahiran yang dipelajari oleh pelajar berkeperluan khas untuk berinovasi, mencipta sama, menjalani kehidupan, bekerja dan mampu menyumbang kepada masyarakat secara aktif dalam dunia yang serba mencabar dan berubah-ubah. Program Pra-Vokasional disusun dan dikemaskini secara bersistematik bagi membolehkan pelajar-pelajar menghasilkan produk-produk yang berkualiti dan boleh dipasarkan seterusnya akan menjana pendapatan kepada pelajar secara produktif dan berkualiti dengan bimbingan guru-guru *homeroom* (HRT).

PERANAN GURU DALAM TEKNOLOGI



Sesi perkembangan *Modular Series MGT2803: Global Classroom* di mana guru menguasai pelbagai alat teknologi dan *platform* digital serta penggunaan *Artificial Intelligence (AI) generative tools* dalam mendidik generasi masa depan yang celik digital dan berdaya saing.



Sesi Perkembangan *Signature Series, EPS: Structuring & Organising Lesson with Chat GPT and Beyond.*



Sesi perkembangan *Modular Series MGT 1903: Do more with OneDrive and Office 365.*



Sesi *Signature Series Tier 1: Novice Teachers.*



Sesi *Signature Series: Educators Professional Supports (EPS) Program.*




Pelancaran EIC Virtual Reality di Dewan Persidangan Antarabangsa, Berakas semasa Majlis Sambutan Hari Guru kali ke-33, tahun 2023.




Entrepreneurship Innovation Centre Virtual Reality (EIC VR) adalah satu perisian *platform* dalam talian yang dibangun oleh Pusat Keusahawanan Inovasi untuk membolehkan pelajar mengakses pendidikan keusahawanan dan inovasi. Ia juga menggalakkan rangkaian komunikasi dari kerjasama sesama jabatan, kementerian dan agensi-agensi dalam persekitaran 3D dan akan menjadi portal utama pengaksesan secara maya dan digital kepada pengguna dengan penggunaan peranti *virtual reality* di dalam pendidikan.



Penggunaan Fungsi VR Secara Penuh oleh Guru-Guru Fokal EIC dan juga Aplikasi Digital VR untuk pendidikan.




Sesi sosialisasi *EIC Virtual Reality* kepada guru-guru yang berminat dalam pendidikan keusahawanan dan inovasi bagi sekolah-sekolah rendah, menengah, mакtab dan pusat tingkatan enam.



Projek *Coding With Smart Devices for Government Schools* kerjasama Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) untuk meningkatkan kemahiran pengekodan dan pemikiran komputasional di kalangan para pelajar.



Pengajaran dan Pembelajaran menggunakan *Smart Television* dalam membantu pelajar visualisasi isi pembelajaran sekaligus membuat aktiviti secara dalam talian (*blended learning*) seperti '*live worksheets*' dan '*wordwall*'.



Sesi pembelajaran dan pengajaran *Smart Classroom* bersama guru dan penuntut dari Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49.

Projek *Smart Classroom* boleh membantu di dalam peningkatan keupayaan bagi guru-guru untuk mengadakan sesi pengajaran yang lebih interaktif dan menarik melalui penggunaan teknologi, serta peluang untuk menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran yang inovatif. Bagi pelajar, mereka akan mendapat manfaat daripada pembelajaran yang lebih menarik, yang boleh meningkatkan minat dan pemahaman mereka terhadap subjek yang dipelajari.

Kemahiran Penting Dalam Dunia Digital



8 orang pelajar tahun 5 dari Ma'had Islam Brunei telah berjaya memenangi Merit Awards di Anugerah *The Asia Pacific ICT Alliance Awards (APICTA)* ke-22 yang diadakan di Hong Kong dengan mencipta dua aplikasi telefon bimbit iaitu Brugency dan Mr. Grabbish.



Murid tahun 4 di Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut II memperolehi Merit Awards dalam Anugerah BICTA 2023 bagi kategori sekolah rendah.

WOMEN IN SCIENCE
Lau Jia Wen, Liew Yi Xuan and Ashley Chung Jia Hui
Pusat Tingkatan Enam Belait

MON-EE


SE SERIA ENERGY LAB

Three female students from Pusat Tingkatan Enam Belait who won the Women in Science competition.

Pelajar Pusat Tingkatan Enam Belait menjadi Johan bagi pertandingan Woman in Science 2023 pada 25 Februari 2024 mencipta aplikasi Mon-ee untuk membangun literasi kewangan pengguna dengan menerapkan teknologi *Artificial Intelligence (AI)* dan *goal tracking*.



Guru sebagai jurulatih Inovasi: Pesyarah bersama mahasiswa dan mahasiswi Universiti Teknologi Brunei, melancarkan Kenderaan UTB Shell Eco-Marathon "Pahlawan VIII".



Program Overseas Learning Journey (OLJ) pertama dengan sokongan daripada Cyber Security Brunei bersama *Association of Information Security Professionals (AiSP)* melalui *Southeast Asia Cybersecurity Consortium (SEACC)* disertai seramai 15 orang pelajar dari Politeknik Brunei (PB), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) serta ahli Brunei Cyber Security Association (BCSA).




Pelajar CNW07 menyertai pameran *Internet of Things (IOT)* semasa Pesta Convo IBTE Kampus Sultan Bolkiah.

